



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**

[www.ijlc.com](http://www.ijlc.com)



## **MENYINGKAP SUMBANGAN TUN MOHD. SAID KERUAK DALAM PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH, MALAYSIA**

### *UNVEILING TUN MOHD SAID KERUAK'S CONTRIBUTION IN POLITICAL DEVELOPMENT OF SABAH, MALAYSIA*

Saidatul Badru Mohd. Said<sup>1\*</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>2\*</sup>, Ismail Ali<sup>3\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>4</sup>, Irma Wani Othman<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: badrusaid@yahoo.com

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Utara Sabah, Malaysia  
Email: ismailrc@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: irma@ums.edu.my

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

##### **To cite this document:**

Said, S. B. M., Esa, M. S., Ali, I., Mokhtar, S., & Othman, I. W. (2023). Menyinkap Sumbangan Tun Mohd. Said Keruak Dalam Perkembangan Politik Di Sabah, Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 244-258.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.832020.

#### **Abstrak:**

Tun Mohd. Said Keruak merupakan anak jati negeri Sabah yang lahir di Kg. Kota Belud dan telah berkecimpung dalam arena politik di Malaysia, khususnya di negeri Sabah. Sebagai seorang watak penting dalam dunia politik di Sabah, Tun Mohd. Said Keruak telah memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan politik di negeri ini. Namun demikian, perbincangan tentang kesignifikalan sumbangan Tun Mohd. Said Keruak dalam perkembangan politik di Sabah masih kurang diberikan penekanan dalam kalangan sarjana tempatan mahupun antarabangsa. Ini menyebabkan pemahaman umum tentang aspek tersebut masih lemah dan berada di takuk yang tidak sewajarnya. Menyedari hakikat ini maka kertas kerja ini ditulis bagi tujuan menjelaskan tentang sumbangan Tun Mohd. Said Keruak dalam perkembangan politik di Sabah. Kaedah kualitatif iaitu melalui rujukan pelbagai sumber sekunder dan temubual dengan responden terpilih digunakan bagi mendapatkan maklumat yang dimaksudkan dengan menumpukan kepada sumbangan Tun Mohd. Said Keruak dalam perkembangan politik Sabah mengikut jalur masa sejak Tun Mohd. Said Keruak berada di Kg. Kota Belud sehingga beliau menduduki Istana Negeri sebagai seorang Tuan Yang Terutama (TYT). Kertas kerja ini mendapat bahawa Tun Mohd. Said Keruak sebagai seorang yang berlatar belakangkan kehidupan serta nilai budaya

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kampung telah menyumbang secara signifikan dalam perkembangan politik Sabah.

#### Kata Kunci:

Kepimpinan, Kota Belud, Politik, Sabah, Tun Mohd. Said Keruak

#### Abstract:

Tun Mohd. Said Keruak is a native of Sabah who was born in Kg. Kota Belud and has involved in the political arena in Malaysia, especially in the state of Sabah. As a key character in Sabah politics, Tun Mohd. Said Keruak have played a significant role in the political development of this state. However, the discussion about the significance of Tun Mohd. Said Keruak's contribution in the political development of Sabah remain limited among local or international scholars. This in turn made the general understanding of that aspect is remain inappropriate. For this reason, this paper presents an explanation on the contribution of Tun Mohd. Said Keruak in the political development of Sabah. Qualitative methods which refer to various secondary sources and interviews with selected respondents was used to obtain the intended information by focusing on the contribution of Tun Mohd. Said Keruak in Sabah's political development according to the timeline since Tun he was in Kg. Kota Belud until he occupied the Istana Negeri as the Tuan Yang Terutama (TYT). This paper found that Tun Mohd. Said Keruak as a person with a background in village life and cultural values have contributed significantly to the political development of Sabah.

#### Keywords:

Leadership, Kota Belud, Politics, Sabah, Tun Mohd. Said Keruak

## Pengenalan

Sejak manusia mula memahami kepentingan politik bagi sesebuah negara, khususnya dalam era 1930an, peranan pemimpin dilihat sebagai suatu yang amat signifikan dalam aspek perkembangan politik setempat. Sebagaimana menurut Bolman dan Deal (1991) peranan pemimpin dalam arus perkembangan politik adalah amat signifikan. Ini bermakna pemimpin dan perkembangan politik adalah dua aspek penting dalam kehidupan manusia yang sukar dipisahkan (Leeds, 1981; Paige, 1977). Malahan di mana-mana negara moden seperti Amerika, Rusia, Australia, Nigeria, negara-negara Asia seperti Indonseia dan Malaysia peranan pemimpin seringkali dikaitkan dengan kelestarian politik demokrasi dan pentadbiran negara. Justeru itu, timbulah dakwaan awam bahawa kegagalan pemimpin menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin menjadi punca kepada perkembangan politik yang tidak sewajarnya dalam negara tertentu. Manakala kehebatan seseorang pemimpin melaksanakan peranannya sebagai tunjang kepimpinan negara menyumbang kepada kekuuhan institusi pentadbiran politik mahupun aspek lain seperti ekonomi dan sosial dalam negara. Ini menjadi gambaran tentang hubungkait yang amat rapat diantara perkembangan politik dan pemimpin dalam negara moden (Peele, (2005).

Di Sabah, Malaysia, arena politik turut tidak pernah berkembang tanpa adanya keterlibatan signifikan pemimpin yang adakalanya dianggap sebagai pemimpin unggul mahupun sebaliknya. Di negeri ini (Sabah), kebanyakan pemimpin yang dimaksudkan tergolong dalam kumpulan majoriti penduduk di Sabah iaitu kumpulan Bumiputra samada beragama Islam atau

bukan Islam. Antara pemimpin dalam kalangan Bumiputra yang telah mewarnai perkembangan politik tempatan di Sabah, Malaysia ialah Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Fuad Stephens, Tun Mohd. Said Keruak, Tan Sri Harris Salleh, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Panglima Salleh Tun Mohd. Said, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Tan Sri Osu Haji Sukam, Tan Sri Musa Aman, Dato' Seri Mohd Shafie Apdal dan Datuk Seri Panglima Hajiji Noor. Disebalik senarai Panjang pemimpin yang pernah mewarnai perkembangan politik di Sabah ini, masih ada sosok pemimpin yang kurang diberikan perhatian oleh para sarjana apabila sejarah kepimpinan mereka tidak banyak ditonjolkan dalam penerbitan ilmiah seperti buku, jurnal dan monograf. Ini termasuklah sosok pemimpin yang bukan hanya pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), tetapi juga pernah memikul peranan sebagai Ketua Menteri Sabah dan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sabah iaitu Tun Mohd. Said Keruak. Sehubungan itu, tidak banyak maklumat yang boleh diperolehi melalui semakan bahan sumber sekunder berupa penerbitan buku, jurnal dan monograf berkaitan beliau. Ini menyebabkan pemahaman khusus tentang sumbangan Tun Mohd. Said Keruak dalam perkembangan politik negeri Sabah, Malaysia masih boleh dianggap terhad. Menyedari hakikat ini, kertas kerja ini disediakan bagi mengenangkan hasil penerokaan sumbangan Tun Said Keruak dalam perkembangan politik negeri Sabah, Malaysia.

## Metodologi

Kajian ilmiah yang menjurus kepada penghasilan kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif memandangkan data yang perlu dikumpul bersifat komprehensif dan lebih subjektif keadaannya. Data yang diperolehi bagi pendekatan ini biasanya melalui penglibatan langsung seperti memerhati, menyentuh, dan berperilaku sendiri yang membolehkan kutipan data dibuat secara terperinci dan *firsthand*. Selain itu, data kualitatif juga diperolehi melalui sumber sekunder dan temubual bersama responden terpilih. Oleh itu iaanya tidak memerlukan subjek kajian yang besar. Data yang dikutip mengikut tatacara kualitatif tidak memerlukan ukuran numerical dan tidak perlu membuat rumusan. Satu hal yang penting ialah penyelidikan kualitatif memerlukan seorang yang mahir terutama sekali ketika mengendalikan temubual. Namun perlu ditegaskan bahawa penyelidikan kualitatif kerap berdepan dengan masalah bias sebagai akibat daripada pemerhatian dan penglibatan langsung penyelidik terhadap keadaan sebenar perkara dikaji yang menyebabkan tiada kesetaraan (inconsistency) yang mana hal ini seterusnya boleh meragukan kebolehpercayaan data (Doyle & Lain-Lain, 2009; McKim, 2017; Ahmad Tarmizi & Lain-Lain, 2017). Namun demikian, bagi tujuan mengatasikekangan ini penyelidik telah menetapkan untuk hanya mendapatkan maklumat daripada sumber sekunder yang sah serta pemilihan seramai 10 orang responden untuk tujuan temubual pula dihadkan kepada golongan yang pernah hidup semasa era keberadaan Tun Mohd. Said, telah terlibat dengan politik setempat secara aktif semasa era tersebut dan mempunyai keupayaan mental dan fizikal untuk memberikan maklumbalas terhadap semua soalan yang dikemukakan. Sehubungan itu, responden bagi tujuan temubual ini dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persamplena ini merujuk kepada penentuan atau pemilihan responden kajian secara bukan kebarangkalian di mana mereka dipilih kerana mempunyai ciri yang diperlukan iaitu sebagai individu yang hidup semasa era keberadaan Tun Mohd. Said, telah terlibat dengan politik setempat secara aktif semasa era tersebut dan mempunyai keupayaan mental dan fizikal untuk memberikan maklumbalas terhadap semua soalan yang dikemukakan. Dalam erti kata yang lain, persampelan bertujuan merujuk kepada suatu keadaan apabila pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi selaras dengan ciri khusus yang ditetapkan (Mohammad Najib Abdul Ghafar, 1999; Ames & Lain-Lain, 2019). Berdasarkan aplikasi pendekatan kajian yang

telah ditetapkan maka perbincangan seterusnya memberi tumpuan kepada latar belakang Tun Mohd. Said Keruak dan perincian tentang kesignifikanan peranan Tun Mohd. Said Keruak dalam perkembangan politik di Sabah, Malaysia.

### Latar Belakang Tun Mohd. Said Keruak

Tun Haji Mohd. Said bin Keruak secara dokumentasinya telah dilahirkan pada 15 November 1926 di kampung Kota Belud dalam daerah Kota Belud, Sabah. Informan bagi kajian ini secara peribadi menegaskan “*Tun memang lahir di kampung ini. Ramai yang menganggap Tun lahir di kampung Pirasan tetapi dakwaan itu boleh dipertikaikan. Ibu Tun adalah penduduk kampung ini, maka sudah pasti Tun lahir di sini (kampung Kota Belud)*” (temubual bersama Wanita Bajau di kampung Kota Belud). Disebalik nama beliau, terselit pengertian yang amat menarik apabila nama ‘Said’ membawa makna ‘bahagia’ yang mana ini sudah semestinya dapat memberi gambaran tentang kehidupan yang dikecapi oleh Tun Mohd. Said Keruak dan keluarganya. Malahan nama tersebut amat bertepatan dengan sikap Tun Mohd. Said Keruak yang mementingkan kebahagian hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Ini jelas terserlah apabila beliau sentiasa mengutamakan keharmonian dan kerukunan dalam keluarga beliau dan ketekunan yang ditunjukkan dalam usaha memastikan hubungan antara warga di negeri Sabah secara keseluruhannya sentiasa harmoni berasaskan pegangan agama yang baik.

Sikap seumpama ini dibuktikan kekal utuh dalam diri Tun Mohd. Said Keruak apabila beliau ketika berucap di majlis rasmi di Kota Kinabalu sempena perayaan Hari Kebangsaan pada tahun 1993, iaitu beberapa dekad selepas umur kanak-kanaknya, atau lebih tepat lagi iaitu ketika Tun menjawat jawatan Tuan Yang Terutama Yang DiPertuan Negeri bagi negeri Sabah, apabila beliau berkata “*rakyat negeri ini mestilah terus berusaha meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga serta sentiasa bertanggungjawab sebagai warganegara yang taat setia kepada negeri dan negara. Setiap rakyat daripada pelbagai keturunan dan fahaman mestilah memiliki perasaan cintakan keamanan dan sama-sama memelihara perpaduan. Segala kemajuan yang dicapai tidak bermakna sekiranya keadaan negara dan negeri tidak stabil serta rakyatnya berpecah-belah*” (Raya, 1994: 52). Ucapan ini sesungguhnya membuktikan sikap beliau yang sentiasa mengambil berat tentang aspek kebahagiaan dan keharmonian sejajar dengan makna nama Tun Mohd. Said Keruak sendiri. Malahan rakan rapat beliau yang ditemuduga turut memperakui bahawa Tun Mohd. Said Keruak merupakan seorang tokoh yang sememangnya amat cintakan kebahagiaan dan keharmonian sejak kecil. Menurutnya, “*Tun merupakan seorang kanak-kanak yang amat pendiam, pemalu dan tahu dengan siapa harus berkawan. Sikap paling ketara yang menonjol sejak beliau masih kanak-kanak lagi ialah minat atau cintanya yang amat mendalam terhadap aspek kebahagiaan keluarga mahupun masyarakat serta keharmonian dalam hidup bermasyarakat*”.

Mohammad Said sebenarnya bukanlah nama asal Tun. Sebagai anak kepada seorang bapa berbangsa Dusun yang beragama agama Islam iaitu O.K.K Keruak bin Beruk, seorang Ketua Anak Negeri (KAN) yang dilantik oleh pihak pentadbir British di North Borneo (Borneo Utara) dan ibunya yang bernama Dompok binti Andarsi iaitu seorang ibu berketurunan Bajau-Iranun apabila nama asal Tun adalah Sintam. Nama asal Tun Mohd. Said Keruak sebagai seorang yang berketurunan campuran Dusun, Bajau dan Iranun ini telah diubah atau digantikan apabila beliau mula bersekolah di sekolah rendah oleh guru allayarham Tun. Sejak itu, nama asal Tun tidak lagi digunakan sebagai pengenalan diri seperti kebiasaannya (Hussain Yaakub, 1981). Malangnya, sebelum nama itu dianugerahkan mahupun digunakan sebagai pengenalan diri beliau, ayahanda Tun telah meninggal dunia ketika Tun hanya berumur empat tahun sahaja.

Tun Mohd. Said Keruak menjadi seorang anak yatim apabila ayahnya meninggal dunia pada tahun 1930. Kepergian ayahanda Tun ini menjadi titik mula kehidupan Tun yang dipelihara oleh ibunya bersama seorang kakak kandung sama bapa dan ibu serta dua (2) orang abang seibu tetapi berlainan ayah sebagai orang susah dan terpaksa berhempas pulas membanting tenaga demi sesuap nasi. Namun, kepayahan atau kesusahan akibat kemiskinan ini tidak menghalang Tun untuk menimba ilmu di peringkat pendidikan rendah dan pendidikan lanjutan.

Kesusahan hidup tanpa seorang bapa tidak pernah membatasi sifat Tun Mohd. Said Keruak yang suka bersahabat dan bermesra dengan sesiapa sahaja. Antara rakan baiknya ialah saudara sepupu kedua beliau iaitu Kombos bin Hassan. Kombos merupakan seorang yang sentiasa Tun ingati kerana dengan beliaulah Tun mengharungi kehidupan yang serba susah dan mencabar semasa kanak-kanak. Ini terbukti apabila beliau menjadi Menteri Pertanian, Tun telah menujuhkan sebuah agensi kerajaan negeri yang dipanggil Lembaga Padi Sabah dan melantik Kombos sebagai pengurus kepada agensi tersebut. Ingatan dan sikap sentiasa ingin membala budi ini bertunjangkan pengalaman hidup mereka semasa kanak-kanak yang sentiasa tolong-menolong dan menegur apabila membuat kesilapan. Semasa kanak-kanak mereka berdualah yang turun ke denai dan sungai-sungai berdekatan untuk menangkap kelah dan puyuh tanpa kasut. Ada kalanya juga mereka melakukan pelbagai aktiviti bersama dengan memakai kasut yang diperbuat daripada plastik dan berwarna hitam yang dibeli dari kedai ‘Apek’ di daerah Kota Belud pada masa itu. Ketika terluka semasa berlari, Kombos jugalah yang membantu membalut luka Tun. Namun, sekali sekala, seperti kanak-kanak yang lain, mereka juga bertengkar apabila ada hal yang tidak dapat diselesaikan dengan baik. Pertengkaran tidak berterusan dan mereka akan saling memafikan. Persahabatan mereka ini berterusan sehingga Tun dan Kombos mencapai umur remaja, dewasa, berkeluarga dan tua.

Disamping semangat persahabatan, beliau mempunyai bakat dan meminati sukan sejak dewasa seperti sukan yang lasak iaitu bermain bola sepak, badminton dan tenis. Tun Muhammad Said juga turut gemar mendengar cerita rakyat dan mahir bermain alat muzik tradisional. Selain dikenal sebagai seorang yang giat dalam aktiviti sukan mahupun bermain alat muzik, beliau juga dikenal dikalangan masyarakat kerana beliau mempunyai nilai-nilai murni dalam diri seperti, bersopan santun, menghormati orang tua, penyabar, suka membantu kawan-kawannya, pemurah, suka bergaul dengan masyarakat tanpa mengira status dan pangkat, murah hati dan berpengetahuan luas. Hal ini demikian kerana Tun Muhammad Said fasih dan mampu bertutur dalam pelbagai bahasa, antaranya adalah bahasa melayu, inggeris, bajau, berbahasa dusun, jepun, hokkien dan hakka. Tun Muhammad Said mula bersekolah ketika berusia tujuh tahun. Beliau menghadiri sekolah rendah kerajaan Kota Belud sehingga darjah lima pada tahun 1941 dan Berjaya mendapatkan tawaran untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pertanian di Maktab Pertanian Kuching. Tun said juga menghadiri kelas malam untuk mempelajari bahasa inggeris pada tahun 1947 dan seterusnya melanjutkan sekali lagi pelajaran di London selama setahun dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

Tun Muhammad Said mula menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1941 di bawah pentadbiran syarikat Berpiagam Borneo Utara dan bertugas sebagai kerani percubaan di pejabat Daerah Papar, beliau juga pernah memegang jawatan sebagai penolong bendahari di bawah kerajaan Tentera Jepun, sehingga tamatnya perang dunia kedua, beliau kembali bertugas sebagai kerani di pejabat Daerah Kota Belud. Pada tahun 1960-an, Tun Muhammad Said telah dinaikkan pangkat menjadi Setiausaha Majlis Tempatan Daerah Kota Belud dan juga telah dilantik sebagai Ahli Tidak Rasmi Majlis Perundungan Negeri (Unofficial Member of the

Legislative Council). Selain daripada mempunyai nilai-nilai murni dalam diri, beliau juga dikenal ramai oleh masyarakat kerana mempunyai sikap kepimpinan yang menonjol seperti sifat bertanggungjawab semasa menjalankan tugasnya, memastikan kerja diuruskan dengan baik serta amanah dan bersedia membuat tinjauan ke kampung-kampung semasa menjalankan tugas.

### **Sumbangan Tun Mohd. Said dalam Perkembangan Politik Sabah**

Bagi memahami sumbangan Tun Mohd. Said dalam proses perkembangan politik di Sabah, adalah wajar sekiranya beberapa hal dibincangkan. Ini meliputi penglibatan Tun Said dalam proses pembentukan Malaysia dan peranan langsung beliau dalam aktiviti politik di Sabah dalam era pasca kemerdekaan.

### **Penglibatan Tun Said dalam Proses Pembentukan Malaysia**

Penglibatan Tun Mohd. Said Kruak dalam proses pembentukan Persekutuan Malaysia dengan didasari oleh prinsip dan nilai mengutamakan kepentingan semua kumpulan etnik dan agama bersama pemimpin lain seperti Tun Datu Mustapha dan Tun Fuad Stephens telah menjadi asas kepada permulaan kegiatan politik di Sabah. Hal ini dapat dilihat melalui penubuhan parti-parti politik terawal di negeri ini yang dikaitkan dengan etnisiti. Bagi menjelaskan hal ini, para sarjana seperti Romzi Ationg (2020), Arnold Puyok dan Tony Paridi Bagang (2011), James Chin dan Arnold Puyok (2010), Mohammad Agus Yusoff (1999), menegaskan bahawa faktor etnik dan agama telah memainkan peranan penting dalam perkembangan politik di Sabah. Ini khususnya melibatkan perjuangan memerdekaan Sabah yang diterjemahkan melalui usaha merealisasikan pembentukan Persekutuan Malaysia yang melibatkan kerjasama atau penyatuan antara wilayah diantara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Perjuangan merealisasikan Persekutuan Malaysia oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Fuad Stephens, Tun Mohd. Said Kruak dan para pemimpin lain bermula apabila Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu menyuarakan keinginan terhadap gagasan pembentukan sebuah negara persekutuan yang dikenali sebagai Persekutuan Malaysia. Beliau mengumumkan cadangan tersebut semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Adelphi, Singapura (Haryani Ngah, 2016, September 13). Aspirasi Tunku ini bukan hanya telah mewujudkan kesedaran politik tetapi juga telah mendorong para pemimpin awal di Sabah untuk memainkan peranan penting dalam hal ini melalui pembentukan parti politik bersifat komunal menyerupai parti politik di Tanah Melayu pada ketika itu (Whelan, 1970; Ness, 1965; 1967). Usaha tersebut bermula Tun yang menjadi penyokong kuat kepada Tun Datu Mustapha Datu Harun menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) pada Disember 1961 bagi mewakili penduduk peribumi Muslim di Sabah. Semantara (Mohammad Agus Yusoff, 1999). Sementara Donald Stephen telah menubuhkan Pertubuhan Kadazan Kebangsaan Bersatu (UNKO) beberapa bulan awal berbanding USNO iaitu pada Ogos 1961. Parti ini dianggotai oleh Pribumi bukan Muslim, terutamanya Kadazan yang tinggal terutamanya di Pantai Barat dan kumpulan Pribumi lain seperti Rungus dan Murut. Selain Donald Stephens, antara tokoh penting UNKO ialah seperti Peter Mojuntin, Herman Luping, Ganie Gilong dan G.S Sundang. Sementara parti politik lain terdiri daripada Pertubuhan Pasok Momogun Bersatu (UPMO), Parti Demokratik (DP) dan Parti Bersatu (UP). Walaupun UPMO, seperti UNKO, adalah parti Pribumi atau Bumiputra bukan Muslim yang ditubuhkan oleh G.S. Sundang pada Januari 1962, ia disokong terutamanya oleh masyarakat Pribumi bukan Muslim di Kawasan pedalaman. Parti DP dan UP yang ditubuhkan oleh Peter Chin pada November 1961 dan Khoo Siak Chiew pada

Februari 1961 sebaliknya disokong terutamanya oleh masyarakat Cina. Memandangkan mereka mewakili masyarakat Cina yang terdiri daripada 23.1% (104, 971 Individu) penduduk Sabah, parti DP dan UP kemudiannya bergabung untuk membentuk Parti Kebangsaan Borneo Utara (BUNAP) pada Oktober 1962 untuk menyatukan masyarakat Cina di bawah satu parti politik sahaja. Seperti DP dan UP, parti UNKO dan UPMO kemudiannya bergabung untuk membentuk Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Bersatu (UPKO) pada Jun 1964 dengan tujuan menyatukan orang asli atau Pribumi atau Bumiputra bukan Muslim yang merangkumi sejumlah 37.0% (167, 993) daripada penduduk Sabah menjadi satu parti politik.

Daripada sejumlah parti awal di Sabah ini, didapati bahawa hanya USNO, khususnya Datu Mustapha yang mendapat sokongan kuat daripada Tun Mohammad Said yang memperlihatkan sokongan terhadap cadangan Tunku sejak awal kerana beliau melihat cadangan sedemikian menguntungkan masyarakat Muslim di Sabah (Luping, 1985; 1989; 1991). Sebaliknya, pemimpin masyarakat bukan Muslim pula sejak awal lagi telah menunjukkan keraguan terhadap cadangan tersebut kerana mereka melihat pembentukan Malaysia sebagai muslihat pemimpin Tanah Melayu untuk menjajah Sabah dan menyerap orang bukan Islam ke dalam populasi Melayu-Islam melalui pengislaman (Gin, 2009).

Sebagai usaha menangani penentangan pemimpin bukan Islam terhadap cadangan Malaysia ini maka kerajaan British telah memutuskan supaya Borneo Utara diberikan status berkerajaan sendiri atau ‘self-government’ pada 31 Ogos 1963. Sebelum memberi Borneo Utara status tersebut pihak British telah membentuk sebuah suruhanjaya siasatan khas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold. Suruhanjaya ini dibentuk bagi menentukan sama ada penduduk Sabah (dan Sarawak) sememangnya menyokong cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia (Armstrong, 1963; Ibrahim, 2005; Ibrahim, 2013). Dengan bantuan pemimpin tempatan mahupun kakitangan kerajaan pada ketika itu, khususnya Tun Mohd. Said Keruak, suruhanjaya ini telah melawat beberapa kawasan di Borneo Utara bagi tujuan mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dibantu oleh Tun Said, tugas tersebut diselesaikan oleh suruhanjaya berkenaan pada 19 Februari 1962. Selepas dua bulan, iaitu dari bulan Februari hingga bulan April 1962, mempertimbangkan pandangan penduduk Borneo Utara mengenai cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia melalui temubual dengan kebanyakan penduduk bandar maka akhirnya pada 1 Ogos 1962 suruhanjaya telah menerbitkan laporannya sebagai CMND 1794. Laporan itu menyatakan bahawa majoriti penduduk Borneo Utara dan Sarawak bersetuju dengan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia.

Berdasarkan dapatan ini maka pada 1 Ogos 1962 kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Malaya secara serentak telah mengumumkan bahawa Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) akan ditubuhkan yang dihadiri oleh wakil British, Malaya, Borneo Utara atau Sabah dan Sarawak. Tugas IGC adalah untuk mengusahakan susunan perlembagaan masa depan persekutuan baharu. Ahli-ahlinya terdiri daripada Margquess of Lansdowne (pengurus, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Tanah Jajahan), wakil-wakil persekutuan Malaya yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Malaya (Tun Abdul Razak), delegasi Borneo Utara dan delegasi Sarawak. Jawatankuasa itu mengadakan mesyuarat pleno persediaan di Jesselton (kini dikenali sebagai Korta Kinabalu, ibu kota Sabah) pada 30 Ogos 1962. Berikutnya mesyuarat ini, walaupun mereka bimbang tentang kemungkinan Borneo Utara menjadi tanah jajahan Malaya namun menjelang September 1963 para pemimpin di Sabah secara amnya, termasuklah pemimpin parti politik bukan Islam, akhirnya bersetuju dengan pembentukan Persekutuan Malaysia. Sejak itu, terbentuklah beberapa parti politik di Sabah (Borneo Utara).

### **Tun, USNO dan Arena Politik Sabah**

Pembentukan parti pra kemerdekaan di Sabah telah membuka ruang seluasnya kepada Tun Mohd. Said Keruak untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti politik di Sabah. Terdapat dua faktor penting yang menyebabkan Tun menceburkan diri dalam dunia politik. Pertama, kerana sikap dan pengalaman hidupnya yang sentiasa ingin membantu orang lain keluar daripada kemelut kesusahan dalam kehidupan tanpa dibatasi oleh perbezaan kaum dan agama. Sementara faktor yang kedua ialah kerana permintaan Tun Datu Mustapha supaya beliau terlibat secara aktif menyusun gerakan politik parti USNO di daerah Kota Belud. Disebabkan nilai dan prinsip politik yang dipegang oleh Tun Mohd. Said Keruak maka permintaan Tun Datu Mustapha itu menguatkan lagi iltizam beliau untuk memperjuangkan nasib penduduk di Kota Belud tanpa mengira latar belakang kaum dan agama dengan bertunjangkan corak hidup dan nilai setempat seperti gotong royong, saling hormat menghormati antara satu sama lain dan menumpukan kepada kegiatan ekonomi tradisi. Ini bermakna, disebalik keperluan untuk menyusun gerakan politik USNO di Kota Belud, Tun Mohd. Said Keruak tetap tidak menjadikan faktor perbezaan etnisiti dan agama sebagai batas perjuangan memastikan parti tersebut menjadi parti yang mendokong aktiviti politik Sabah melalui pembentukan Malaysia. Walau bagaimana pun adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa faktor-faktor yang dinyatakan telah menjadi penentu kepada penglibatan Tun Mohd. Said Keruak dalam arena politik sehingga menjadi tokoh penting dalam politik Sabah.

Tidak keterlaluan sekiranya ditegaskan bahawa sikap dan pengalaman hidup Tun Mohd. Said Keruak amat bersesuai diterapkan dalam bidang politik kerana bidang ini menyediakan ruang seluasnya untuk menjerjemahkan keinginan seseorang membantu orang lain keluar daripada kemelut kesusahan dalam kehidupan. Tun Mohd. Said Keruak sememangnya berterusan menterjemahkan hal ini dalam praktis kepimpinan politiknya sehingga rakyat tidak sedikitpun merasa janggal atau kekok mendapatkan bantuan dari beliau dari masa ke semasa. Beliau juga amat berhati mulia dan sangat prihatin terhadap pengikut-pengikutnya. Maka dengan itu beliau sentiasa disanjung oleh rakyat berbilang kaum di Sabah. Rakan-rakan sengakatan atau seumur Tun Mohd. Said Keruak yang masih hidup ketika kajian ilmiah ini ditulis turut menegaskan bahawa Tun Mohd. Said Keruak tetap dan sentiasa membantu orang-orang kampung di daerah Kota Belud mahupun di kawasan lain di seluruh Sabah yang susah dan amat memerlukan bantuan. Dalam pada itu, Tun Mohd. Said Keruak dilihat sebagai seorang yang sentiasa berpegang kepada amalan untuk tidak membeza-bezakan status mereka sama ada kaum keluarga yang terdekat, kaum keluarga jauh mahupun orang luar daripada kawasannya. Malahan Tun Mohd. Said Keruak sering berpesan kepada anak-anaknya bahawa setiap insan di dunia ini, khususnya mereka sekeluarga tidak boleh bersikap kedekut tetapi mempunyai kewajiban untuk sentiasa menghulurkan bantuan ketika orang lain berada dalam kesusahan. Nasihat seumpama ini merupakan nasihat yang sentiasa diulangi oleh Tun Mohd. Said Keruak semasa hayatnya.

Bertepatan dengan sikap ini, Tun Mohd. Said Keruak dikenali sebagai seorang yang mempunyai pegangan kukuh terhadap aspek integriti. Ini terbukti apabila semasa Tun Mohd. Said Keruak bergiat aktif dalam arena politik tempatan, beliau tidak sekalipun pernah menderhakai parti politik yang dianggotainya iaitu USNO. Selama beliau berada dalam arena politik Tun Mohd. Said Keruak hanya menganggotai satu parti sahaja iaitu parti USNO sehingga beliau bersara. Beliau sangat setia dengan parti tersebut dan parti inilah yang telah membawa kecemerlangan terhadap diri, keluarga dan masyarakatnya. Kesemua elemen penting dalam kehidupan Tun Mohd. Said Keruak ini amat bersesuaian bagi arena politik yang

sentiasa mendahagai penglibatan seseorang atau sekumpulan individu yang boleh diharapkan untuk memimpin serta melakukan perkara-perkara baik untuk rakyat keseluruhannya. Sesuai dengan sikapnya yang amat berminat untuk membantu rakyat secara keseluruhannya maka Tun Mohd. Said Keruak memikirkan ada baiknya pengalaman, pelajaran dan kualiti kepimpinan semulajadinya digunakan dalam arena politik. Oleh itu, parti USNO yang masih muda usianya pada ketika itu akhirnya mendapat seorang pemimpin pelapis yang baik kerana Tun Mohd. Said Keruak beransur-ansur menjadi seorang pemimpin muda yang berkeupayaan dalam aspek pengurusan parti bagi menghadapi kemelut politik yang berlaku. Tun Mohd. Said Keruak akhirnya menjadi ahli USNO secara rasmi pada awal tahun 1963.

Sejurus menjadi ahli USNO, Tun Mohd. Said Keruak telah memainkan peranan yang signifikan bersama Harris Salleh, Ahmad Mahmud dan beberapa kepimpinan USNO yang lain mengembeling tenaga dalam usaha untuk mencapai cita-cita atau aspirasi parti USNO dokongan mereka. Sejak itu, sebagai seorang anggota parti Tun Mohd. Said Keruak telah mengorak langkah lebih proaktif dengan meningkatkan daya upaya kepemimpinan beliau demi untuk memastikan keutuhan serta kecemerlangan parti dalam menentang musuh-musuh politiknya. Ancaman yang paling ketara bagi parti USNO pada ketika itu datangnya dari parti UNKO atau secara khususnya Tun Fuad Stephens. Kedua parti ini dari masa ke semasa memperlihatkan percanggahan pandangan berkaitan urustadbir politik negeri dengan jelas. Sebagai contoh, UNKO lebih menitikberatkan isu berkaitan masyarakat Kadazandusun. Namun sebaliknya, USNO lebih berminat memberi tumpuan kepada kesejahteraan bersama tanpa mengira perbezaan kaum dan agama. Selain itu, kegairahan USNO memperjuangkan kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia juga turut mendapat tentangan pada peringkat awal dari kepimpinan parti UNKO dan pemimpin tempatan seperti Orang Kaya Kaya (O.K.K) Haji Anuar bin Haji Ahmad Arshad. Kaedaan ini menjadikan Tun Mohd. Said Keruak semakin tertarik untuk menganggotai seterunya menerajui USNO di Kota Belud. O.K.K Hj. Anwar merupakan sosok tubuh pemimpin setempat di daerah Kota Belud yang pada mulanya amat dipengrauhi oleh pandangan G.S. Sundang iaitu pemimpin parti Pasok Momogun pada ketika itu yang menghendaki supaya Sabah dimerdekaan atau diberikan status berkerajaan sendiri sebelum membuat keputusan untuk samaada bersetuju terhadap cadangan pembentukan persekutuan Malaysia atau sebaliknya.

Dengan sikap O.K.K Hj. Anuar seumpama ini maka usaha Tun Datu Mustapha untuk mendapatkan sokongan padu daripada penduduk di daerah Kota Belud, khususnya masyarakat Bumiputra Islam yang terdiri daripada kaum Bajau dan Ilanun bagi aspirasi pembentukan Malaysia tidak mungkin akan menjadi kenyataan. Oleh itu, Tun Datu Mustapha telah meminta Tun Mohd. Said Keruak untuk mencari satu kaedah yang berkesan bagi mengubah sikap O.K.K. Hj. Anuar ini. O.K.K. Hj. Anuar merupakan bapa saudara kepada isteri Tun Mohd. Said Keruak dan melalui kerapatan hubungan persaudaraan serta kebijaksanaan Tun Mohd. Said Keruak maka beliau akhirnya mengubah sikap. O.K.K. Hj. Anuar akhirnya menjadi anatara individu yang bukan hanya tegas menghendaki kemerdekaan Sabah segera melalui pembentukan Malaysia tetapi juga menjadi individu yang sanggup menghadiri kongres USNO kali pertama di daerah Kudat untuk memastikan aspirasi tersebut terlaksana.

Selaras dengan perubahan sikap O.K.K. Hj. Anuar ini maka USNO telah menjadi antara parti politik yang kuat di Sabah. Ini seterusnya menyumbang kepada kejayaan mendapatkan kemerdekaan atau status berkerajaan sendiri bagi negeri Sabah melalui pembentukan Persekutuan Malaysia yang telah dapat dipercepatkan. Tun Datu Mustapha amat memerlukan

sokongan O.K.K. Hj. Anuar pada ketika itu memandangkan Tun Mohd. Said Keruak masih lagi memegang jawatan sebagai pegawai kerajaan. Namun demikian, Tun Mohd. Said Keruak tetap juga menghadiri kongres pertama USNO di daerah Kudat sejurus selepas Residen di Kota Kinabalu membernarkan beliau berbuat demikian.

Kebenaran menghadiri kongres itu umpama ‘mengantuk disorongkan bantal’ kerana O.K.K. Hj. Anwar akhirnya tidak dapat menghadiri kongres tersebut kerana isteri beliau sakit pada masa itu. Justeru, timbul masalah baru apabila ketiadaan O.K.K. Hj. Anuar dalam kongres tersebut kerana hal ini memberi makna bahawa tiada wakil dari daerah Kota Belud untuk menyuarakan hasrat atau pendapat penduduk dari daerah berkenaan. Jika Tun Mohd. Said Keruak hadir sekalipun, beliau masih mempunyai halangan untuk menyuarakan pendapat mahupun mengemukakan permasalahan yang me,ibatkan penduduk di daerah Kota Belud. Tun Mohd. Said Keruak secara peribadi berupaya mewakili para penduduk daerah Kota Belud dalam kongres itu tetapi kebenaran yang diberikan oleh Residen Kota Kinabalu kepada beliau hanyalah sebagai pemerhati dalam kongres tersebut dan bukannya sebagai perwakilan yang boleh bersuara bagi pihak masyarakat di daerah Kota Belud.

Walau bagaimana pun, berasaskan pandangan beliau secara peribadi tentang pentingnya suara rakyat dari daerah Kota Belud dikemukakan dalam kongres penting itu maka tanpa mengambil peduli tegahan yang ditetapkan oleh Residen itu maka akhirnya Tun Mohd. Said Keruak mengambil bahagian sebagai perwakilan Kota Belud di dalam kongres tersebut. Dalam kenyataan atau ucapannya, Tun Mohd. Said Keruak menegaskan bahawa masyarakat di daerah Kota Belud bukan hanya kukuh menjunjung perjuangan USNO dan gagasan Malaysia, tetapi juga sanggup untuk terus berjuang demi kepentingan rakyat dan negeri Sabah (Hussain Yaakub, 1981). Namun, sekembalinya dari kongres itu, Tun Mohd. Said Keruak telah diberikan amaran keras oleh Residen supaya beliau tidak lagi terlibat dengan Gerakan-gerakan politik seumpamanya. Tanpa menghiraukan amaran itu, Tun Mohd. Said Keruak terus bergiat aktif dalam USNO. Ini menyebabkan Residen tidak lagi berani memberikan sebarang teguran kerana merasakan Tun Mohd. Said Keruak semakin berpengaruh dan boleh menjadi pemimpin utama di negeri ini suatu hari kelak. Sejak itu, Tun Mohd. Said Keruak terus bergiat aktif dalam usaha memperkasakan USNO di dalam arena politik Sabah.

Beliau seterusnya telah diamanahkan oleh Tun Datu Mustapha untuk menerajui kepimpinan USNO bagi daerah Kota Belud sebagai ahli Mesyuarat Undangan Sabah mewakili daerah tersebut. Di daerah ini, Tun Mohd. Said Keruak mendapat sokongan yang amat padu dari masyarakat setempat tanpa mengambilkira perbezaan kaum dan agama. Sokongan padu daripada masyarakat setempat sudah semestinya ditunjangi latar belakang beliau sebagai seorang yang berketurunan campuran dan menganuti agama Islam iaitu agama yang dianut oleh masyarakat Bajau-Ilanun di daerah Kota Belud. Tambahan pula sikap beliau yang mana secara semulajadinya amat mesra dan minat bergaul dengan masyarakat sejak muda lagi sangat disukai oleh masyarakat tempatan bukan sahaja daripada kalangan masyarakat Bumiputera tetapi juga oleh masyarakat bukan Bumiputra, khususnya masyarakat Cina di Kota Belud.

Menyedari hakikat ini maka pada akhir tahun 1961 Tun Datu Mustapha Datu Harun telah menggesa beliau supaya memainkan peranan bersama dalam politik secara lebih signifikan. Dalam hal ini, perlu juga diketahui bahawa gesaan ini turut dipengaruhi oleh hubungan kekeluargaan diantara Tun Datu Mustapha dan Tun Mohd. Said Keruak. Tun Datu Mustapha Datu Harun sebenarnya mempunyai kaitan keluarga dengan ibu mertua Tun Mohd. Said

Keruak iaitu Dayang Zainab Haji Mahol daripada keturunan Suluk. Manakala bapa mertua Tun Mohd. Said Keruak iaitu O.K.K. Hasbollah O.K.K. Arshad yang juga seorang pahlawan ternama dan disegani di daerah Kota Belud merupakan seorang pemimpin tempatan yang sangat dihormati oleh Tun Datu Mustapha. Selaras dengan kedudukan Tun Mohd. Said Keruak sebagai menantu yang baik, beradab dan hormat terhadap orang tua maka beliau akur dan bersetuju dengan tawaran tersebut.

Sehubungan itu, dengan persetujuan tersebut maka sekembalinya beliau dari England dalam bulan Disember 1962 maka Tun Mohd. Said Keruak telah mengambil keputusan muktamad untuk secara rasminya menjadi Ahli USNO pada tahun awal 1963 iaitu sebelum Sabah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1963. Bermula dari itu, Tun Mohd. Said Keruak semakin aktif memainkan peranan dalam arena politik tempatan. Penglibatan aktif dalam politik tempatan melalui parti USNO ini telah berjaya mencorakkan kepimpinan politik di Sabah secara khususnya dan Malaysia secara amnya. Persoalannya yang timbul daripada hal ini ialah sejauhmanakah sosok tubuh tokoh ini telah menyumbang kepada perkembangan kepimpinan politik di negeri ini semasa hayatnya. Bagi memahami mahupun memberikan jawapan tuntas kepada persoalan ini maka perbincangan tentang peranan Tun Mohd. Said Keruak dalam parti USNO adalah amat diperlukan.

Ini terbukti apabila Tun Mohd. Said telah memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat Bumiputra di Sabah tanpa mengira agama dan kaum. Antara intipati usaha tersebut ialah menyedarkan para pemimpin UNKO tentang hakikat keadaan Sabah yang perlu dibangunkan. Dalam masa yang sama mereka juga menekankan tentang kewajiban pemimpin UNKO dan USNO untuk memastikan kepentingan dan hak Bumiputra tanpa mengira perbezaan agama dijaga. Tun Mohd. Said dan Tun Datu Mustapha menumpukan kepada usaha menjelaskan hakikat bahawa keadaan Sabah pada ketika itu amat memerlukan pemimpinnya menyokong gagasan Malaysia. Tumpuan terhadap perkara tersebut adalah bersesuaian kerana Tunku Abdul Rahman dan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang lain menegaskan bahawa penyertaan Sabah dan Sarawak dalam gagasan Malaysia membolehkan hak dan kebajikan Bumiputra terjamin sepertimana kaum Bumiputra Melayu di Tanah Melayu. Tambahan pula kebanyakan jawatan dan kegiatan ekonomi di Sabah pada ketika itu dikawal dan dijawat oleh warga asing. Selain itu, majoriti penduduk Bumiputra di wilayah ini hanya terlibat dalam sektor domestik seperti pertanian yang berorientasikan sara diri sahaja. Justeru itu, jika Sabah dan Sarawak menyertai gagasan Malaysia, terdapat jaminan mahupun kebarangkalian Bumiputra di dua wilayah ini mendapat layanan istimewa adalah lebih tinggi.

Tambahan pula, struktur perhubungan di Sabah yang daif pada ketika itu apabila ianya amat bergantung kepada pengangkutan melalui suangai dan laut untuk sampai ke sesuatu tempat. Keadaan geografi di wilayah ini turut menjadi halangan bagi pembangunan sistem perhubungan darat yang baik apabila ianya bergunung-ganang dan luas. Dengan itu, Tun Mohd. Said dan Tun Datu Mustapha menumpukan kepada perkara ini dalam usaha mereka meyakinkan pemimpin UNKO untuk mendokong aspirasi gagasan Malaysia. Ini kerana mereka berkeyakinan bahawa dengan berbuat demikian maka kedudukan Bumiputra di Sabah akan diberi perhatian yang lebih berbanding layanan pihak British yang seringkali menimbulkan ketidakpuasan dalam kalangan penduduk wilayah ini. Hal ini jugalah yang memicu penentangan masyarakat Bumiputra terhadap dasar British di Sabah. Penentangan masyarakat Bumiputra atau Pribumi terhadap dasar British berkaitan pemilikan tanah di Sabah menjadi bukti ketidakadilan terhadap mereka yang memerlukan tindakbalas langsung melalui

aspirasi gagasan Malaysia. Penentangan terhadap dasar ini digambarkan oleh Marilyn Johnny, Mohamad Shaukhi Mohd. Radzi dan Mosli Tarsat sebagai suatu yang dilakukan secara tegas oleh penduduk Pribumi di Sabah. Namun, seperti kebiasaanya, tidak mendapat tindak balas positif dari pihak British. Marilyn Johnny, Mohamad Shaukhi Mohd. Radzi dan Mosli Tarsat menyebut, “*Pelaksanaan dasar tanah oleh British North Borneo Chartered Company (BNBCC) telah mendapat reaksi bantahan daripada kalangan penduduk peribumi di Borneo Utara. Malah, bantahan tersebut pernah disuarakan oleh para pemimpin tempatan dengan mengeluarkan sebuah resolusi kepada Kerajaan British berkenaan hak peribumi ke atas pemilikan tanah dan memohon agar tanah milik peribumi dilindungi tetapi telah diabaikan*” (2018: 86).

Selaras dengan usaha berterusan ini maka akhirnya pemimpin UNKO, khususnya Tun Fuad Stephens mengambil keputusan untuk menyokong aspirasi gagasan Malaysia. Justeru, adalah jelas peranan Tun Mohd. Said Keruak adalah signifikan dalam proses menastikan pembentukan gagasan Malaysia dapat direalisasikan. Peranan ini juga menggambarkan betapa kuatnya peranan Tun Mohd. Said menyokong perjuangan Tun Datu Mustapha dalam USNO. Tun Mohd. Said juga merupakan antara pemimpin USNO yang aktif dalam usaha memastikan majoriti rakyat Sabah menerima parti ini sebagai wadah politik mereka. Beliau memulakan usaha ini di daerah Kota Belud memandangkan daerah ini adalah daerah yang diterajui oleh beliau sejak tertubuhnya Malaysia. Ini menyebabkan Kota Belud menjadi antara kubu kuat USNO. Sebagaimana menurut teori identifikasi yang diperkenalkan oleh Campbell dan Lain-Lain (1960), bilangan keahlian parti yang ramai membolehkan sebuah parti berupaya memenangi kawasan tertentu apabila pilihan raya diadakan. Ini kerana pengundi biasanya mengundi semasa pilihan raya berdasarkan kepada ikatan dan kesetiaan terhadap sesuatu parti. Perasan tersebut adalah bersifat peribadi terhadap partinya apabila mereka mempunyai kesetiaan berpanjangan kerana keahlian dalam parti berkaitan dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku politik seseorang. Malahan teori ini juga menegaskan bahawa ahli parti cenderung mengundi parti berkenaan dalam setiap pilihan raya sekalipun ikatan terhadap sesuatu parti tersebut tidak bersifat mutlak dan boleh berubah berdasarkan faktor calon dan isu yang dimainkan (Fiorina, 1981).

Usaha menambah keahlian parti USNO ini memuncak apabila UNKO yang dijenamakan sebagai UPKO sejurus selepas bergabung dengan parti Pertubuhan Pasok Momogun Bersatu (PASOK MOMOGUN) pada Mei 1964 dibubarkan pada Disember 1967 selepas Ahli Dewan Undangan Negeri parti ini mengambil keputusan untuk menyertai USNO. Sejak itu, USNO, khususnya para pemimpinnya seperti Tun Mohd. Said Keruak dan Tun Datu Mustapha telah merangka dan seterusnya melaksanakan pelbagai agenda pembangunan bagi memastikan kebijakan rakyat Sabah dijaga dengan baik. Tumpuan terhadap aspek ini sudah semestinya perlu memandangkan pengundi biasanya mempunyai kecenderungan memilih parti atau calon parti yang mempunyai sumbangan dalam aspek pembangunan nyata apabila pilihan raya berlangsung. Maka dengan itu tidak hairanlah sekiranya Tun Mohd. Said Keruak, sebagai pemimpin USNO sentiasa berusaha memastikan parti ini menunaikan tanggungjawab kepada rakyat, khususnya ahli parti dalam aspek pembangunan di Sabah. Dalam pada itu, sumbangan USNO melalui kepimpinan Tun Datu Mustapha dan Tun Mohd. Said Keruak termasuklah usaha meringankan beban rakyat tempatan melalui penjagaan kebijakan dari segi pendidikan, ekonomi dan juga sosial. Oleh sebab itu maka USNO kekal menjadi tunjang kepada kerajaan Sabah sehinggalah tahun 1976. Justeru itu, adalah jelas bahawa sumbangan awal Tun Mohd.

Said Keruak dalam usaha membangunkan parti USNO yang telah mencorakkan perkembangan politik di Sabah adalah amat signifikan.

### ***Tun sebagai Pemimpin dan Pilihanraya***

Tun Said sebagai seorang pemimpin di Sabah telah terlibat dalam beberapa siri pilihan raya negeri iaitu pada tahun 1967, 1976 dan 1981. Selain itu, beliau turut pernah menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1969 hingga 1978 bagi mewakili Parlimen Kota Belud sehingga bersara pada tahun 1982. Sejajar dengan penglibatan Tun Said dalam pilihanraya ini maka beliau telah menjawat pelbagai jawatan penting dalam kerajaan mahupun dalam USNO itu sendiri. Dalam parti USNO, Tun Said pernah menjawat jawawayan selaku presiden sejurus berlakunya diantara Tun Mustapha dengan Timbalan Presiden USNO iaitu Harris Salleh. Dalam hal ini, Harris dikatakan tidak bersetuju dengan kepimpinan diktator Tun Datu Mustapha di Sabah dan melepaskan jawatan menteri kabinet Sabah. Harris seterusnya telah menubuhkan sebuah parti berbilang kaum yang baru iaitu BERJAYA yang bertujuan bagi menjatuhkan Tun Mustapha atau USNO dari tumpuk kuasa sehingga Parti ini telah Berjaya mengalahkan USNO pada pilihanraya negeri 1976 untuk membentuk kerajaan sehingga 1985. Rentetan konflik tersebut maka pengaruh USNO di Sabah semakin merosot. Justeru, dalam keadaan yang tidak memberangsangkan di pihak USNO ini maka pada tahun 1975 Tun Datu Mustapha telah meletakkan jawatan sebagai presiden parti tersebut dan seterusnya digantikan oleh Tun Said. Selama menjawat jawatan presiden USNO, Tun Said juga telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah.

Dalam pilihanraya yang diadakan pada tahun 1976, USNO telah mengalami kekalahan dan sejak itu, Tun Said menjadi antara pemimpin parti pembangkang di Sabah. Status selaku pemimpin pembangkang tidak menghentikan usaha Tun Said untuk terus memperkasa USNO di persada politik negeri Sabah. Namun, pada tahun 1982 akhirnya Tun Said mengambil keputusan untuk bersara dari arena politik. Persaraan Tun Said tidak kekal lama apabila beliau dilantik sebagai Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah pada tahun 1987. Secara khusus, Tun Said telah menerima Surat Cara Pelantikan dan mengangkat sumpah sebagai TYT di hadapan Yang Dipertuan Agong di Istana Negara pada 1 Januari 1987. Beliau telah menerima jawatan tersebut dengan hati terbuka dan rasa penuh tanggungjawab selari dengan lafadz sumpah jawatan tersebut. Dengan pelantikan ini, menjadikan sebagai suatu peristiwa bersejarah dan begitu besar erti kepada diri dan keluarganya. Malahan jawatan ini juga mengangkat daerah kelahirannya, Kota Belud dan keturunannya, terutama masyarakat Bajau. Hal ini selari dengan jawatan tersebut yang boleh disifatkan sebagai prestij dan mulia di peringkat negeri. Malahan, perlu ditegaskan bahawa peranan Tun sebagai TYT ini seharusnya melayakkan beliau dianggap sebagai salah seorang pemimpin yang telah memainkan peranan signifikan dalam arena politik di Sabah.

Pelantikan Tun Said sebagai TYT bukanlah secara kebetulan atau nasib yang menyebelahi dirinya. Pelantikan ini adalah suatu pengiktirafan tertinggi akan ketokohnya oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu. Oleh sebab itu ketika pelantikannya sebagai TYT tiada isu yang berbangkit, malah keputusan itu diterima dengan baik dalam kalangan rakyat dan pemimpin di Sabah. Pendek kata, pelantikan tersebut sebagai suatu yang tepat dengan berasaskan kepada pengalaman dirinya di peringkat negeri dan persekutuan. Sewajarnya ditegaskan juga bahawa sebelum dilantik sebagai TYT, Tun Said pernah menjawat beberapa jawatan penting di peringkat negeri seperti Ketua Menteri, Pemangku Presiden USNO, Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah dan anggota parlimen Kota Belud. Dengan beberapa jawatan

penting tersebut, tidak hairanlah apabila beliau dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong kerana pengalaman, kewibawaan dan bakat dalam kepimpinan bagi menerajui Negeri di Bawah Bayu. Natijahnya, perlantikan beliau sebagai TYT telah melengkapkan kariernya dari sudut pemimpin dan kepimpinan. Dengan itu, karier politik beliau boleh dikategorikan istimewa sebaris dengan beberapa tokoh politik utama Sabah sebelum itu seperti Tun Mustapha dan Tun Fuad Stephens, mahupun selepasnya seperti Tun Sakaran Dandai.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan analisis yang diketengahkan dalam kertas kerja ini maka adalah jelas bahawa Tun Mohd. Said Keruak sebagai seorang yang berlatar belakangkan kehidupan serta nilai budaya kampung sememangnya telah menyumbang secara signifikan dalam perkembangan politik di Sabah. Sumbangan tersebut sewajarnya membuka mata pelbagai pihak, khususnya warganegara di negara ini (Malaysia). Secara khusus adalah didapati bahawa sosok tubuh yang dikenali sebagai Tun Mohd. Said Keruak ini bukan hanya telah memainkan peranan dalam aspek keterlibatan dalam arena politik melalui proses pilihanraya, tetapi juga menjadi tonggak pentadbiran kerajaan negeri dalam tempoh yang agak panjang. Tempoh beliau memainkan peranan signifikan dalam perkembangan politik negeri Sabah ini mencapai kemuncak apabila beliau dilantik sebagai Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sabah yang ke-tujuh, iaitu jawatan utama pentadbiran negeri bukan eksekutif di Sabah yang dahulunya dikenali sebagai Gabenor semasa era penjajahan. Justeru itu, adalah suatu keputusan yang wajar apabila nama Tun Mohd. Said Keruak disemadikan di pelbagai kawasan strategik di seluruh Sabah seperti bangunan bersejarah, sekolah dan tempat-tempat pelancongan. Tindakan seumpama ini bukan hanya bertujuan menyediakan peluang untuk mengenali tokoh-tokoh di Sabah, tetapi pengetahuan tentang Tun Mohd. Said boleh dijadikan panduan atau ikutan bagi generasi penerus kepimpinan negara.

### **Penghargaan**

Kertas kerja ini dibentangkan dalam ‘7<sup>th</sup> International Conference on Education, Islamic Studies & Social Science Research’, 24th. – 25th. February 2023, Grand Jatra Hotel, Pekanbaru, Riau, Sumatera, Indonesia’.

### **Rujukan**

- Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Romzi Ationg, & Nurul Ain Zulhaimi (2017). A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 9(1), 46-56.
- Ames, H., Glenton, C., & Lewin, S. (2019). Purposive sampling in a qualitative evidence synthesis: a worked example from a synthesis on parental perceptions of vaccination communication. *BMC Med. Res. Methodol.*, 19(26), 2-9.
- Armstrong, H.F. (1963). The trouble birth of Malaysia. *Foreign Affairs*, 41(4), 673-693.
- Arnold Puyok, & Tony Paridi Bagang. (2011). Ethnicity, Culture and Indigenous Leadership in Modern Politics: The Case of the Kadazandusun in Sabah, East Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(1), 177–197.
- Bolman, L., & Deal, T. (1991). *Reframing Organizations*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Campbell, A., Converse, P.E., Miller, W.E., & Stokes, D.E. (1960). *The American Voter*. New York: John Wiley and Sons Inc.
- Doyle, L., Brady, A.M., & Byrne, G. (2009). An overview of mixed methods research. *Journal of Research in Nursing*, 14(2), 175-185.

- Fiorina, M. (1981). *Retrospective voting in American national elections*. New Heaven: Yale University Press.
- Gin, O.K. (2009). *Historical dictionary of Malaysia*. Lanham, Maryland: The Scarecrow Press Inc.
- Haryani Ngah. (2016, September 13). Pembentukan Malaysia. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/192249/pembentukan-malaysia>
- Hussain Yaakub. (1981). *Kepimpinan Tan Sri Mohd. Said Keruak: Kepimpinan Baru USNO*. Kuala Lumpur, Malaysia: Hassan Yaakub.
- Ibrahim Ali. (2016). *The Misunderstood Man an Untold Story*. Kuala Lumpur, Malaysia: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Ibrahim A.B. (2005). Malaysian perception of China. *HAOL*, 7, 93-105.
- Ibrahim, Z. (2013). The New Economic Policy and the identity question of the indigenous peoples of Sabah and Sarawak. In E.T. Gomes, & J. Saravanamuthu (Eds.), *The New Economic Policy in Malaysia: Inequality and social justice* (pp. 293-313). Singapore: NUS Press.
- James Chin dan Arnold Puyok (2010),
- Leeds, C.A. (1981). *Political Studies*. Plymouth: Macdonald & Evans.
- Luping, H.J. (1994). *Sabah's dilemma: The political history of Sabah, 1960-1994*. Kuala Lumpur, Malaysia: Magnus Book.
- Peele, G. (2005). Leadership and politics: a case for a closer relationship?. *Leadership*, 1(2), 187-204.